

Bah

Mahathir - Raja

PINDAAN PERLEMBAGAAN SECOCOK DENGAN AJARAN ISLAM

Daripada Amin Hussaini Harun

KARACHI, 17 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pindaan perlembagaan untuk membatasi kekebalan Raja-raja adalah secocok dengan ajaran Islam.

Katanya, pindaan itu dibuat untuk menghalang rakyat daripada bertindak memberontak kerana sudah tidak sabar dengan tindak tanduk Raja-raja yang keterlaluan seperti membazir wang negara dan menganiaya rakyat.

Semasa berucap pada pertemuan dengan kira-kira 250 pelajar Malaysia dari seluruh Pakistan di Hotel Pearl Continental di sini hari ini, beliau berkata tentunya perbuatan Raja-raja yang keterlaluan itu menyalahi ajaran Islam.

"Sebelum rakyat bertindak menjatuhkan Raja-raja dan sistem beraja, seperti mana berlaku di beberapa negara lain sebelum ini, kerajaan perlu bertindak segera untuk menyelamatkan sistem raja berperlembagaan yang diamalkan di Malaysia menerusi pindaan perlembagaan untuk meletakkan Raja-raja pada kedudukan sebenar," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata pindaan itu adalah sesuai dengan kehendak rakyat yang mahukan Raja-raja tidak melebihi daripada tindakan undang-undang jika melakukan kesalahan seperti menganiaya rakyat. -- Lagi

▼17/02/23-28MST

Beliau yakin dengan adanya pindaan itu Raja-raja kini sedar mereka tidak lagi boleh bertindak sesuka hati kerana jika melakukan kesalahan mereka tahu akan menerima balasan daripada pihak berkuasa.

Ketika ditanya oleh seorang pelajar kenapa perlu dibuat pendedahan mengenai keburukan Raja-raja secara terbuka, Dr Mahathir berkata usaha secara tertutup telah dibuat sejak almarhum Tunku Abdul Rahman untuk membetulkan perilaku buruk raja-raja tetapi tidak berhasil.

"Malahan perbuatan buruk sesetengah Raja meningkat pula selepas dibuat teguran secara tertutup," katanya.

Pendedahan secara terbuka telah menyedarkan Raja-raja sebagaimana reaksi yang dapat dilihat seperti sekarang, kata Perdana Menteri.

Mengenai lawatannya ke Pakistan dan Bangladesh, beliau berkata ia bertujuan untuk menjalinkan hubungan persaudaraan sesama negara Islam supaya dapat ditingkatkan usaha membantu mana-mana negara Islam yang tertindas. -- Lagi

♥17/02/23-31MST

CNS3963

R GB 17-02 00160 BH916

Bah

Mahathir - Raja 3 Karachi

Katanya, umat Islam tertindas di mana-mana sahaja sekarang kerana negara Islam lemah dan berpuak-puak manakala umatnya pula kurang menuntut ilmu kepakaran seperti kedokteran dan kejuruteraan.

Oleh itu, Dr Mahathir mengingatkan pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di dalam dan luar negara agar tekun menerima ilmu supaya sekembali ke tanah air dapat menyumbangkan ilmu pengetahuan untuk meningkatkan lagi kemajuan dan pembangunan negara.

Katanya, pertumbuhan ekonomi Malaysia kini hanya di belakang negara China. Kadar pertumbuhan Malaysia ialah melebihi lapan peratus pada tahun 1992 berbanding China iaitu 12 peratus.

"Wawasan 2020 yang diusahakan sekarang ialah untuk generasi akan datang dan bukannya untuk dinikmati oleh generasi saya atau seangkatan saya. Kami tidak akan ada lagi ketika itu," kata Perdana Menteri.

Mengenai kesangsaraan umat Islam di Somalia dan Bosnia, beliau mengulangi kesediaan Malaysia untuk menghantar askar bagi membantu mengatasi masalah yang dihadapi oleh rakyat kedua-dua negara itu. -- Lagi

♥17/02/23-39MST

CNS3964

R GB 17-02 00172 BH917

Bah

Mahathir - Raja 4 (Akhir) Karachi

Di Somalia, askar Malaysia boleh bertindak untuk merenggangkan pihak-pihak yang bertelagah supaya bantuan dapat disampaikan kepada rakyatnya yang menderita manakala di Bosnia askar Malaysia boleh membantu rakyat negara itu daripada terus dizalimi puak Serb, kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga berkata Pakistan bersetuju memberikan 30 lagi tempat kepada pelajar Malaysia dalam bidang perubatan.

Yang turut hadir pada perjumpaan kira-kira dua jam itu ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Badawi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Pakistan Datuk Yusof Hashim.

Dr Mahathir dan rombongannya berlepas pulang ke tanah air malam ini selepas diraikan oleh Gabenor Wilayah Sindh, Encik Mahmood Haroon di Government House di sini.

Ini kali kedua lawatan rasmi Perdana Menteri ke Pakistan selepas kunjungan pertama pada 1984. Bagi lawatan kedua ini, beliau berada tiga hari di ibu negara Pakistan, Islamabad dan sehari di Karachi. -- Bernama

♥17/02/23-44MST